



**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**


27 OGOS 2021

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak **3,010 kes**, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **137,527 kes**. Sebanyak 41 kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu 19 kes di Kota Kinabalu, lima (5) kes di Sandakan, empat (4) kes di Tuaran, Penampang dan Keningau masing-masing mencatatkan tiga (3) kes, Beaufort, Lahad Datu dan Kalabakan masing-masing mencatatkan dua (2) kes dan satu (1) kes di Tenom. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.

- 2 Jumlah pesakit COVID-19 discaj dari hospital / sembuh 2,331 menjadikan jumlah kumulatif 106,512 orang. Seramai 4,904 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 1,398 orang di hospital, 3,436 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam, 54 orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara manakala 16 orang di fasiliti swasta. Bilangan pesakit dalam ICU pula ialah 272 orang dan 76 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Tiada perubahan zon merah dicatatkan.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Merah 27 daerah

i. Kedudukan Kes Positif COVID-19

- a. Jumlah kes positif COVID-19 Sabah pada hari ini ialah (3,010) kes iaitu penurunan sebanyak (-477) kes berbanding (3,487) kes yang dicatatkan semalam (26 Ogos 2021).
- b. Tidak ada perubahan yang ketara walaupun ada penurunan kes sebanyak (-477) kes daripada (3,487) kes kepada (3,010) kes.
- c. Kinabatangan turun (-198) kes, Penampang turun (-60) kes dan Sandakan berkurangan (-83) kes.
- d. Secara keseluruhan Saringan Bergejala naik kepada 31.4% atau (946) kes sementara Saringan Kontak Rapat menyumbang 59.2% atau (1782) kes dan Saringan Kluster hanya (37) kes. Hampir 37% daripada kes di Sandakan merupakan kes Saringan Bergejala dan lebih tinggi daripada jumlah kes saringan melalui Kontak Rapat. Di Kota Kinabalu, kes melalui Saringan Bergejala mencecah 44.0%.
- e. Daripada (3,010) kes baharu hari ini, (1,206) kes atau 40% adalah kes positif yang lewat didaftar antara 2 hingga 3 hari. (213) kes atau 7.1% adalah keputusan saringan yang didaftar lewat antara 4 hingga 5 hari dan (482) kes atau 16% adalah kes daftar lewat melebihi 5 hari,
- f. Sejumlah (2,943) atau 97.77% pesakit dengan pecahan sebanyak (759) kes daripada Kategori 1 dan sebanyak (2,184) kes daripada Kategori 2, lapan (8) pesakit dalam Kategori 3, satu (1) pesakit dalam Kategori 4 dan (15) pesakit dalam kategori 5. (43) kes masih dalam siasatan lanjut.
- g. Setakat semalam (26 Ogos 2021) menurut statistik PICK Negeri Sabah, 56.05% atau (1,546,009) penduduk dewasa Sabah telah memperolehi satu dos dan 35.44% atau (977,607) penduduk telah pun melengkapkan pengambilan kedua dua dos.

h. Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang terus meningkat dan dengan jumlah catatan sebanyak (1,782) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

ii. **Perincian Kes COVID-19 Hari Ini**

a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Bil.	Kategori Saringan	Bilangan Kes	Peratusan
1	Kluster	37	1.2%
2	Bergejala	946	31.4%
3	Kontak	1,782	59.2%
4	Bersasar	8	0.3%
5	Lain-lain	237	7.9%
JUMLAH		3,010	100%

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (26 Ogos 2021) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 26/08/2021	Catatan Kes 27/08/2021	Perbandingan
1	Putatan	96	135	+39
2	Sipitang	12	45	+33
3	Lahad Datu	122	146	+24
4	Kota Belud	74	96	+22
5	Papar	185	198	+13
6	Ranau	49	60	+11
7	Kota Kinabalu	609	617	+8
8	Beaufort	53	59	+6
9	Tambunan	14	20	+6
10	Tawau	215	219	+4
11	Kuala Penyu	5	8	+3
12	Semporna	9	10	+1
13	Kinabatangan	249	51	-198
14	Sandakan	367	284	-83
15	Penampang	450	390	-60
16	Kalabakan	75	22	-53
17	Beluran	79	34	-45
18	Telupid	111	74	-37
19	Kunak	48	15	-33
20	Keningau	128	98	-30
21	Kudat	68	45	-23
22	Tongod	66	43	-23
23	Tenom	50	31	-19
24	Nabawan	49	33	-16
25	Pitas	49	37	-12
26	Tuaran	183	175	-8
27	Kota Marudu	72	65	-7
JUMLAH		3,487	3,010	-477

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari (13 Ogos - 26 Ogos)
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Kota Kinabalu	0	305	274	0	38	617	7,676
Penampang	0	282	83	0	25	390	3,823
Sandakan	12	95	105	4	68	284	2,899
Tawau	0	131	70	1	17	219	3,244
Papar	0	88	106	0	4	198	1,897
Tuaran	0	111	50	2	12	175	2,836
Lahad Datu	1	98	26	0	21	146	1,311
Putatan	0	105	24	0	6	135	1,094
Keningau	0	68	26	0	4	98	1,492
Kota Belud	0	54	41	0	1	96	1,011
Telupid	0	58	5	1	10	74	518
Kota Marudu	0	51	12	0	2	65	652
Ranau	0	53	5	0	2	60	556
Beaufort	0	32	27	0	0	59	740
Kinabatangan	1	38	11	0	1	51	1,088
Kudat	0	27	14	0	4	45	344
Sipitang	0	27	17	0	1	45	907
Tongod	23	20	0	0	0	43	513
Pitas	0	34	2	0	1	37	306
Beluran	0	31	3	0	0	34	588
Nabawan	0	18	0	0	15	33	318
Tenom	0	19	10	0	2	31	429
Kalabakan	0	7	13	0	2	22	355
Tambunan	0	12	8	0	0	20	178
Kunak	0	10	5	0	0	15	293
Semporna	0	0	9	0	1	10	138
Kuala Penyu	0	8	0	0	0	8	97
JUMLAH	37	1,782	946	8	237	3,010	35,303

d. Catatan Kes Positif baharu COVID-19 hari ini melalui saringan mengikut daerah dan nama kluster adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Nama Kluster	Jumlah Kes Baharu
Sandakan	Kluster Lebu Empat	12
Lahad Datu	Kluster Sawit Baiduri	1
Tongod	Kluster Kampung Penangah	23
Kinabatangan	Kluster Sungai Pin 3	1
JUMLAH		37

6 Tiada **kluster baharu** direkodkan hari ini.

7 Jumlah kapasiti katil 6,936 unit

- Hospital 1,444 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 4,820 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 672 unit.

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 70.47%.

B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 27 OGOS 2021

i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	2,975
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	0
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	15
Orang Dalam Tahanan /Banduan	20
Jumlah	3,010

Import B (Jangkitan Luar Sabah)	
WP Kuala Lumpur	3
Selangor	4
Terengganu	1
Kedah	1
Sarawak	3
Pulau Pinang	1
Labuan	1
Johor	1
Jumlah	15

ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	2,734
Bukan Malaysia	276
Jumlah	3,010

iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin	849
Belum Menerima Vaksin	953
Menerima 1 Dos	531
Lengkap 2 Dos	677
Jumlah	3,010

iv. Umur

Umur (Tahun)	
<1	44
1 to 5	234
6 to 17	571
18 to 59	1,918
>60	243
Jumlah	3,010

C BILANGAN LOKALITI PKPD MENGIKUT DAERAH

BIL	DAERAH	BILANGAN PKPD AKTIF (Setakat 27 Ogos 2021)
1	Tawau	35
2	Kota Kinabalu	19
3	Kota Belud	12
4	Penampang	9
5	Tuaran	7
6	Beluran	6
7	Lahad Datu	5
8	Papar	5
9	Kudat	4
10	Sipitang	4
11	Ranau	3
12	Kinabatangan	3
13	Beaufort	3
14	Telupid	1
15	Keningau	1
16	Kota Marudu	1
17	Putatan	1
18	Sandakan	1
JUMLAH		120

D PELAKSANAAN PKPD BARU

Setelah meneliti pembentangan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengenai penilaian risiko serta trend jangkitan COVID-19, Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) akan **DILAKSANAKAN** di lokaliti-lokaliti seperti berikut:

BIL	Lokaliti PKPD	Tarikh Mula PKPD	Tarikh Tamat PKPD
1.	Kampung Debut, Ranau	29 Ogos 2021	11 September 2021
2.	Kampung Tindai Kolopis, Penampang		

E PELANJUTAN PKPD

Berdasarkan analisa oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengenai penilaian risiko serta *trend* jangkitan COVID-19, beberapa PKPD yang akan dilanjutkan seperti berikut:

BIL	Lokaliti PKPD	Tarikh Tamat PKPD	Cadangan
1.	Kampung Brunei, Membakut Beaufort	28 Ogos 2021	Dilanjutkan dari 29 Ogos 2021 sehingga 11 September 2021
2.	Kampung Manggaris 2, Kota Marudu	28 Ogos 2021	Dilanjutkan dari 29 Ogos 2021 sehingga 11 September 2021

F PENAMATAN PKPD

Setelah meneliti pembentangan oleh KKM mengenai situasi semasa, PKPD akan **DITAMATKAN** di lokaliti-lokaliti berikut:

BIL	Lokaliti PKPD	Tarikh Mula PKPD	Cadangan
1.	Bandar Sinsuran, Kota Kinabalu	25 Julai 2021	Ditamatkan pada 28 Ogos 2021 lebih awal dari yang dijadualkan (4 September 2021)
2.	Kampung Siasai Dundau, Kota Belud	4 Julai 2021	Ditamatkan pada 28 Ogos 2021 seperti yang dijadualkan

3.	Rumah Kongsi Tapak Bina Prima, Lumat, Beaufort	15 Ogos 2021	Ditamatkan pada 28 Ogos 2021 seperti yang dijadualkan
4.	Projek Perumahan Rakyat (PPR), Sri Semarak, Tawau	1 Ogos 2021	Ditamatkan pada 28 Ogos 2021 seperti yang dijadualkan
5.	Kampung Sembulan Tengah dan Lama, Kota Kinabalu	1 Ogos 2021	Ditamatkan pada 28 Ogos 2021 seperti yang dijadualkan
6.	Kampung Rancangan Kalabakan, Kalabakan	15 Ogos 2021	Ditamatkan pada 28 Ogos 2021 seperti yang dijadualkan
7.	Lorong Mat Salleh, Batu 2 Jalan Apas, Tawau	15 Ogos 2021	Ditamatkan pada 28 Ogos 2021 seperti yang dijadualkan
8.	Kampung Contoh, Putatan	15 Ogos 2021	Ditamatkan pada 28 Ogos 2021 seperti yang dijadualkan
9.	Tiga (3) lokaliti di Kota Kinabalu <ul style="list-style-type: none"> • Kampung Pulutan, Menggatal • Kampung Mansiang, Menggatal • Tapak Bina Hyatt Centric 	15 Ogos 2021	Ditamatkan pada 28 Ogos 2021 seperti yang dijadualkan
10.	Kampung Darau, Menggatal, Kota Kinabalu	15 Ogos 2021	Ditamatkan pada 28 Ogos 2021 seperti yang dijadualkan

G STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Setakat hari ini, **tiada** suntikan baharu dibuat bagi Fasa 1 Dos 1 Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) menjadikan jumlah kumulatif kekal sebanyak 67,164 orang.
- 2 Bagi Fasa 1 Dos 2 juga, **tiada** suntikan baharu dibuat pada hari ini menjadikan jumlah kumulatif kekal sebanyak 58,575 orang.
- 3 Manakala, bagi Fasa 2 Dos 1 PICK, **17,680** suntikan baharu dibuat menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 1,477,315 orang.
- 4 Bagi Dos 2 Fasa 2 pula **34,445** suntikan baharu harian dibuat menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 919,032 orang.
- 5 Pendaftaran penerima vaksin pada hari ini ialah 9,510 menjadikan jumlah kumulatif yang mendaftar sebanyak 1,562,547 (Mysejahtera 1,481,264 : Laman Web 80,935 : Talian Vaksinasi 348) bersamaan 56.6%.

H BANTUAN BAKUL MAKANAN (FOOD BASKET)

Setakat hari ini, sejumlah **475,392** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

I LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS*

- 1 Sejumlah 180 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 34,763 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 370 buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 58 hebahan melalui kereta peronda dan satu (1) tangkapan dibuat.
- 2 Sebanyak 53 kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan seluruh Sabah.
 - Tujuh (7) Orang : Gagal Mendaftar Masuk Premis
 - Tujuh (7) Orang : Tidak Memakai Pelitup Muka

- 25 Orang : Tidak Mematuhi Arahan Kawalan Pergerakan
- Satu (1) Orang : Pergerakan Keluar Masuk Kawasan PKPD
- Lima (5) Orang : Aktiviti Menyukarkan Penjarakan Sosial
- Lapan (8) Orang : Gagal Mematuhi Waktu Operasi Kawasan PKPD

3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 85 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 24 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan satu (1) tangkapan dibuat di bawah Akta Perikanan 1985 dan di bawah Enakmen Pelabuhan Dan Dermaga Sabah 2002.

4 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan

- i Sebanyak 1,001 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan.
- ii Sebanyak satu (1) kompaun telah dikeluarkan di Tawau atas kesalahan menyediakan perkhidmatan selain gunting rambut iaitu mencuci rambut. Sebanyak lima (5) notis/amaran dikeluarkan iaitu dua (2) di Kinabatangan, dua (2) di Kuala Penyu dan satu (1) di Kudat.
- iii Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) telah menjalankan pematuhan SOP ke atas 324 premis perniagaan dan 763 individu di 18 kawasan. Satu (1) kompaun dikenakan ke atas premis atas kesalahan menyusun atur kerusi / meja luar premis di Restoran Razzaali. Lapan (8) kompaun dikenakan ke atas individu dengan kesalahan individu gagal mendaftar masuk premis menggunakan aplikasi MySejahtera atau Buku Pendaftaran di Apiwon Luyang (3 Orang), di Pasar Besar Kota Kinabalu (4 orang), di Pasar Besar Ikan Kota Kinabalu (1 orang).

5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 285 Premis Perniagaan melibatkan 158 anggota APM. Sebanyak tujuh (7) Notis Amaran dikeluarkan kepada premis perniagaan yang tidak mengikut SOP.

6 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 157 anggota di 192 lokasi.

- 7 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di 25 premis, melibatkan 15 buah BBP pada hari ini.
- 8 Sejumlah 188 hebahan awam di bawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di 13 daerah pada hari ini.
- 9 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 117 hebahan di seluruh Sabah.

J KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 2

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 2 pada hari ini ialah **95.4%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Tuaran	97%
2	Kunak	96%
3	Beaufort	96%
4	Kota Belud	96%
5	Sipitang	96%
6	Kota Marudu	96%
7	Keningau	96%
8	Kota Kinabalu	95.5%
9	Kudat	95%
10	Semporna	95%
11	Sandakan	95%
12	Kinabatangan	95%
13	Beluran	95%
14	Tenom	95%
15	Lahad Datu	95%
16	Ranau	95%
17	Papar	95%
18	Penampang	94%
19	Tawau	94%

- 2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

Sekian.

#MalaysiaPrihatin

#LindungDiriLindungSemua

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II**